



SIARAN MEDIA

5TH WOMEN IN NUCLEAR CONFERENCE 2021 **“NUCLEAR TECHNOLOGY : PROVIDING SOLUTIONS FOR CHALLENGES IN** **FUTURE DEVELOPMENT”**

BANGI, 23 MAC 2021 - Women in Nuclear (WiN Malaysia) sekali lagi menganjurkan 5th Women in Nuclear Conference 2021 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir, Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Acara tahunan ini adalah anjuran bersama Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) yang diadakan selama dua (2) hari mulai 23 hingga 24 Mac 2021 yang dijalankan secara maya bagi menyokong usaha dan langkah Kerajaan dalam mengekang penularan wabak pandemik COVID-19. Tema penganjuran pada tahun 2021 ini adalah “*Nuclear Technology : Providing Solutions for Challenges in Future Development*”. Ia bersesuaian dengan cabaran yang terpaksa ditempuhi pada masa ini terhadap penularan wabak pandemik COVID-19 yang bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia yang meliputi cabaran dari segi keselamatan dan kesihatan, ekonomi serta pembangunan masa depan Negara.

Persidangan ini dianjurkan bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan perkembangan terkini dalam bidang teknologi nuklear dan teknologi berkaitan, penemuan penyelidikan, berkongsi idea dan sebagai platform untuk menjalin perhubungan serta interaksi di antara penyelidik, ahli akademik, industri, pelajar dan orang ramai khususnya di Malaysia. Persidangan ini melibatkan 23 pembentangan kertas kerja yang merangkumi dua (2) kertas kerja ucapnama dan lima (5) kertas kerja jemputan ucapnama dari pakar dan profesional berpengalaman. Selain itu, terdapat 16 pembentangan oral dan tujuh (7) kertas kerja berbentuk poster dari para penyelidik dan ahli akademik dalam pelbagai bidang yang meliputi perlindungan sinaran, keselamatan dan sekuriti nuklear, aplikasi Sains Nuklear, peranan wanita dalam mempromosikan teknologi nuklear dan sains, kajian berkaitan COVID-19 dan sinaran tidak mengion. Merujuk kepada tema dan tajuk kertas kerja yang dibentangkan, ianya

menunjukkan bahawa aplikasi teknologi nuklear amat bermanfaat dan digunakan dalam pelbagai bidang seperti industri, pertanian, perubatan, alam sekitar, pendidikan dan tenaga hijau.

WiN Malaysia selaku penganjur utama adalah organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dari pertubuhan induk WiN Global yang meliputi 101 cawangan/*chapter* di seluruh dunia yang dianggotai oleh wanita profesional dalam bidang teknologi nuklear. WiN Malaysia ditubuhkan pada tahun 2014 dengan misi untuk menyokong penglibatan wanita dalam dalam bidang Nuklear dan berperanan untuk berkongsi maklumat dan faedah teknologi nuklear dalam kehidupan seharian. Bersesuaian dengan Malaysia yang sedang bergerak ke arah negara perindustrian, bidang sains dan teknologi adalah sangat penting bagi masa depan ekonomi negara. Justeru, peranan wanita dalam bidang sains dan teknologi seharusnya diberi pengiktirafan. Secara tidak langsung, penganjuran persidangan Win Malaysia adalah untuk meraikan sumbangan wanita dalam STI.

YBhg. Datuk Ir. Dr. Siti Hamisah Binti Tapsir, Ketua Setiausaha MOSTI menerusi ucapannya berkata, Malaysia telah lama mengiktiraf faedah penggunaan teknologi nuklear secara aman. Melalui keanggotaan dengan *International Atomic Energy Agency* (IAEA), Malaysia telah mendapat manfaat dari program latihan dan projek penyelidikan, malah kini kursus berkaitan Teknologi Nuklear juga telah ditawarkan oleh beberapa universiti tempatan. Beliau juga amat berbangga dengan penganjuran persidangan WiN Malaysia pada bulan Mac ini kerana bulan yang sama ini Sambutan Hari Wanita disambut di seluruh dunia sekaligus ini dapat menonjolkan peranan dan kewibawaan wanita dalam STI khususnya di Malaysia.

---TAMAT---

Dikeluarkan Oleh :
WOMEN IN NUCLEAR (WiN MALAYSIA)
23 MAC 2021